

04/07/1998

Muflis: PM belum tahu kedudukan Ghafar

KUALA LUMPUR, Khamis - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata beliau masih belum tahu kedudukan sebenar bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Ghafar Baba sebagai anggota Parlimen selepas diisytiharkan muflis oleh Mahkamah Tinggi.

"Saya tak tahu. Saya pun tak tanya lagi (mengenai kedudukan Tun Ghafar)," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah perkhidmatan cemerlang kakitangan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Pusat Islam di sini.

Dr Mahathir diminta mengulas kedudukan Ghafar sebagai ahli Parlimen Jasin, Melaka selepas pengisytiharan mahkamah itu.

Mengikut Perlembagaan dan Undang-undang Am Bab 4 Perundangan Persekutuan, antara sebab seseorang hilang kelayakan menjadi anggota Parlimen ialah jika diisytiharkan muflis.

(END)